



## **KENYATAAN MEDIA**

4 Sept 2009

### **Jemaah haji dinasihati dapatkan suntikan anti-H1N1**

MAJLIS Ugama Islam Singapura (Muis) menasihati bakal jemaah haji tahun ini supaya mendapatkan vaksin menentang flu H1N1 sebaik saja ia ditawarkan kepada orang ramai.

Bagi bakal jemaah haji yang mempunyai risiko tinggi kesihatan, Muis merayu agar mereka menunda pemergian mereka.

Itulah antara butiran utama dalam satu kenyataan yang diberi Muis kepada media semalam menyusuli peraturan kesihatan baru yang dikenakan kerajaan Arab Saudi ke atas semua jemaah haji tahun ini.

Menurut kenyataan itu, Muis telah merujuk kepada Kementerian Kesihatan Singapura (MOH) menyusuli pengeluaran peraturan kesihatan oleh Kerajaan Arab Saudi berkaitan penularan wabak H1N1 itu.

Peraturan itu bermakna, bakal jemaah dikehendaki mendapatkan dua suntikan - untuk flu biasa dan flu H1N1 - sebaik-baik saja suntikan mencegah H1N1 disediakan untuk kegunaan awam.

Jemaah juga dikehendaki mendapatkan sijil pengesahan daripada doktor setelah mendapatkan suntikan-suntikan itu dan menyerahkan sijil tersebut dua minggu sebelum mendapatkan visa haji.

Muis juga menasihati bahawa langkah terbaik ialah usaha pencegahan dengan menjaga kebersihan diri dan mengelak daripada mendekati mereka yang sedang sakit.

Dalam kenyataan itu, Muis turut merayu kepada mereka yang berisiko tinggi agar menangguhkan pemergian mereka kerana menurut MOH golongan berisiko tinggi lebih terdedah kepada kesulitan kesihatan akibat jangkitan virus H1N1.

Golongan tersebut merangkumi mereka yang menghidap penyakit kronik seperti semput, penyakit paru-paru, penyakit jantung dan kencing manis.

Mereka yang berusia 65 tahun ke atas, kanak-kanak di bawah usia lima tahun dan wanita hamil juga tergolong dalam kumpulan berisiko tinggi.

'Oleh demikian, selaras dengan saranan Panel Pakar Antarabangsa yang dibentuk Kementerian Kesihatan Arab Saudi, mereka yang tergolong dalam kumpulan berisiko tinggi diminta menangguhkan perjalanan haji dan umrah demi keselamatan masing-masing,' kata kenyataan Muis.

Namun berdasarkan maklumat yang telah diberi, Muis menyerahkan keputusan bagi mengerjakan ibadah haji kepada setiap individu.

Sementara itu, bagi mempersiapkan diri menangani sebarang senario yang mungkin berlaku, Misi Haji Singapura telah mengatur pelan kecemasan jika wabak H1N1 terus merebak.

Pelan tersebut diatur dengan kerjasama ejen-ejen haji dan pasukan perubatan Muis.

Antara senario yang dijangka melibatkan isu jadual keberangkatan dan ketibaan jemaah dari Singapura ke Arab Saudi, jadual pulang mereka dan tempoh sewaktu berada di tanah suci.

Muis menambah ia akan bekerja rapat dengan pihak berkuasa di sini dan di Arab Saudi bagi memastikan perjalanan lancar ibadah haji jemaah.

Kumpulan pertama jemaah haji Singapura tahun ini dijangka berlepas pada 28 Oktober, sementara kumpulan terakhir pada 22 November.

Penerbangan pertama jemaah yang pulang dari Arab Saudi dijadualkan pada 2 Disember, sementara kumpulan terakhir pada 24 Disember.

Petikan  
BH 5 Sept